

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 1 June 1966 > Page 3 > Penerbit Pak Awang Temberang letak jawatan

Penerbit Pak Awang Temberang letak jawatan

Berita Harian, 1 June 1966, Page 3

Article also available on Microfilm Reel NL4471

★ Add to Citation

[Previous Article](#)[Next Article](#)[Previous Page](#)[Next Page](#)

Penerbit Pak Awang Temberang letak jawatan

SINGAPURA, Thalatha. — Rancangan talivishen 'Pak Awang Temberang' yang di-sukai ramai mungkin akan di-berhentikan tidak lama lagi. Sebab-nya? Penerbit - nya Inche Mohd Zain Mahmud, akan berhenti dari jawatan-nya.

Berita Harian mendapat tahu bahawa Inche Zain, salah sa-orang penerbit rancangan2 TV yang popular itu, di-katakan akan meletakkan jawatan-nya dari jabatan siaran itu kerana hendak bertugas dalam Perkhidmatan Luar Negeri Malaysia.

Inche Zain yang telah berkhidmat di-Jabatan Radio Singapura sejak hampir 10 tahun lalu, telah menerbitkan berbagai rancangan yang di-sukai ramai. Beliau juga telah mempelopori menerbitkan rancangan2 drama di-Talivishen Singapura sejak siaran itu di-pancharkan.

Information

Newspaper:
Berita HarianDate:
1 June 1966Reel Number:
NL4471

Share

Table of Contents

[Previous](#) | [Page 3](#) | [Next](#)

APA-KAH yang sedang mereka berbisek2 itu. Bagini chara-nya ramah mesera Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul dan Menteri Luar Indonesia Tuan Adam Malik dalam persidangan unt o k me n a matkan konfrantasi yang berjalan di-Banpkok. — Gambar Berita Harian. Gambar Berita Harian

APA-KAH yang sedang mereka berbisek2 itu. Bagini chara-nya ramah mesera Timbalan Perdana Menteri Tun

KEDAIAN ICHOR DI DESAK

[View Full Table of Contents](#)

Drama-nya

Antara drama2 yang telah di-terbitkan dan telah mendapat sambutan ramai itu ia-lah: Awal dan Mira, Malam Jahanam, Papan Berhala, Gelombang dan banyak yang lain2 lagi.

Cherita2 dongeng, hantu, tahyul dan keperchayaan sa-sorang pada sa-suatu benda telah juga menjadi kegemaran-nya dan telah di-terbitkan sa-chara bersiri2 sejak siaran TV di-sini di-pancharkan.

Ranchangan hiboran muzik yang terkenal bernama 'Kalong Senandong' telah juga di-terbitkan sama-ada melalui radio dan TV hingga di-ikuti hari ini oleh penerbit2 lain.

Sementara itu Inche Zain, ketika di-hubongi telah enggan mengulas sa-suatu. Beliau tidak juga menafikan atau mengesahkan tentang perletakan jawatan-nya itu.

Related Articles



No related article found.